



## **Kaedah Pengajaran *Discipline Based Art Education* (DBAE) Dalam Penerapan Kemahiran Kepekerjaan dan Budaya Keusahawanan Islam Terhadap Pelajar Seni Visual di IPT Malaysia**

**Rozimah bt Bidin<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
32610 Bandar Seri Iskandar, Perak, (MALAYSIA)  
[rozim409@perak.uitm.edu.my](mailto:rozim409@perak.uitm.edu.my)

**Juriah bt Mohd Amin<sup>2</sup>**

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak,  
32610 Bandar Seri Iskandar, Perak, (MALAYSIA)  
[juria876@perak.uitm.edu.my](mailto:juria876@perak.uitm.edu.my)

### **ABSTRAK**

Objektif kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat pelaksanaan kaedah pengajaran *Discipline Based Art Education* (DBAE) dan penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan (KKK) dan budaya keusahawanan Islam (BKI) di kalangan pelajar seni visual di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Populasi pelajar seramai 285 orang terdiri daripada pelajar semester satu Fakulti Seni Lukis Seni Reka UiTM Cawangan Perak yang mengikuti kursus *Visual Studies Application* (FND 111), pengambilan sesi 1, Mei – November 2016/2017. Sampel kajian terdiri daripada 32 pelajar iaitu 16 orang kumpulan rawatan dan 16 orang kumpulan konvensional. Metodologi kajian adalah kuantitatif kuasi-eksperimen. Kaedah pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan instrumen soal selidik dan skor min markah kerja akhir. Data yang dikumpul telah di analisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package Social Science* (SPSS) versi 16.0 dengan mengambil kira purata peratusan skor min. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan skor min yang signifikan. Kumpulan rawatan mendahului skor min yang paling tinggi berbanding kumpulan kawalan (konvensional).

## PENGENALAN

Kaedah pengajaran *Discipline Based Art Education* (DBAE) menjadi rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran Seni Visual di Institut Pengajian Tinggi di Malaysia khususnya di Universiti Teknologi Mara. Pendidikan seni berasaskan DBAE merupakan reformasi kurikulum pendidikan seni visual yang lebih menyeluruh diajar kepada pelajar. DBAE termasuk empat disiplin utama iaitu: produk seni (*arts production*), sejarah seni (*art history*)-budaya (*culture*), kritikan (*critism*) dan estetika (*aesthetics*) (Dobbs & Monica, 1992). Kaedah pengajaran berasaskan DBAE menekankan kepada aktiviti untuk pemikiran kritikal, kemahiran visual, dan perkembangan portfolio. Kemahiran kepekerjaan (*employability skill*) merupakan sebahagian daripada ciri-ciri keusahawanan yang menekankan kepada beberapa konsep asas keusahawanan kerja kumpulan, komunikasi, dan sebagainya. Penerapan ciri keusahawanan dari aspek kemahiran kepekerjaan dalam pengajaran melibatkan penambahan kemahiran khusus ke arah nilai kepekerjaan dan keusahawanan kepada pelajar. Ciri-ciri keusahawanan Islam mempunyai pendekatan yang lebih bersifat pembangunan nilai insan bukan sahaja bersifat material malah dilengkapi dengan nilai kerohanian. Penerapan ciri keusahawanan dalam pengajaran dijangka dapat membentuk budaya dan tingkahlaku pelajar di alam pekerjaan khususnya menurut perspektif dan tuntutan Islam.

### Pernyataan masalah

Era globalisasi mengajak masyarakat dunia khususnya dalam bidang pendidikan dan ahli akademik membuat perubahan daripada budaya pengajaran konvensional kepada budaya pengajaran dengan penerapan ciri-ciri keusahawanan. Budaya keusahawanan merupakan pemangkin pembangunan negara. Ciri-ciri keusahawanan perlu dipupuk kepada masyarakat dan pelajar untuk mewujudkan budaya keusahawanan. Untuk membentuk budaya keusahawanan, pelajar perlu diterapkan dengan kemahiran kepekerjaan yang sepadan dengan bidang pekerjaan yang diceburi. Namun begitu sudahkah kita sebagai pensyarah di IPT bersedia ke arah pemantapan nilai kepekerjaan keusahawanan ini? Kajian oleh Abdullah bin Sulaiman et al., (2010) mendapati penguasaan kemahiran kepekerjaan menunjukkan peningkatan di kalangan pelajar IPT dalam bidang kejuruteraan. Bagaimana pula kemahiran kepekerjaan ini diterap dalam bidang pembelajaran yang lain? Justeru pembelajaran berasaskan DBAE di kalangan pelajar seni visual boleh menjadi medan untuk proses menerapkan budaya keusahawanan ini juga. Namun begitu tidak banyak kajian yang dijalankan di Malaysia khususnya dalam bidang seni visual. Malah tidak banyak juga kajian yang dijalankan tentang penerapan ciri keusahawanan dengan berlandaskan keusahawanan Islam. Lulusan siswazah daripada jurusan Seni Visual mempunyai peluang dan ruang yang amat terbuka untuk 'menjual' produk mereka. Ia bukan sahaja di pasaran dalam negara namun boleh diperkenalkan untuk

pasaran luar negara. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk melihat kaedah pengajaran DBAE dalam penerapan ciri keusahawanan terhadap budaya keusahawanan Islam di kalangan pelajar seni visual di Malaysia.

### **Tujuan kajian**

Kajian ini bertujuan untuk melihat kaedah pengajaran DBAE dalam penerapan ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan terhadap budaya keusahawanan Islam pelajar Seni Visual Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia.

### **Objektif kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengumpul maklumat pelaksanaan kaedah pengajaran *Discipline Based Art Education* (DBAE) dan penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan (KKK) dan budaya keusahawanan Islam (BKI) di kalangan pelajar seni visual di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Cawangan Perak, Malaysia.
2. Mengumpul data ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan budaya Islam untuk pelajar Seni Lukis dan Seni Reka yang terlibat dengan aktiviti studio DBAE dan penghasilan produk.

### **Kepentingan kajian**

Kajian ini penting untuk mengenalpasti ciri-ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan Islam yang ada di kalangan pelajar Seni Lukis dan Seni Reka. Pengajaran dan pembelajaran DBAE merupakan landasan kepada pensyarah untuk menerapkan ciri-ciri keusahawanan Islam kepada pelajar menerusi aktiviti studio mereka. Hasil kerja pelajar merupakan contoh kepada tahap kualiti kerja mereka yang boleh dipasarkan dengan memenuhi kehendak majikan. Dengan mengkaji kaedah pengajaran DBAE dan penerapan kemahiran kepekerjaan kepada pelajar telah dapat meningkatkan ciri kompetensi keusahawanan Islam di kalangan pelajar IPT.

### **Skop kajian dan batasan kajian**

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar jurusan Seni Lukis dan Seni Reka semester 1 ambilan Sesi 1, Mei-November 2016/2017. Kajian ini terbatas kepada pelajar yang mengikuti kursus *Visual Studies Application (FND111)* sahaja.

## Definisi istilah

DBAE – *Discipline Based Art Education*

IPT – Institusi Pengajian Tinggi


KKK - Kemahiran kepekerjaan (*employability skill*)

Skor gred markah – nilai gred markah yang diperolehi

BKI – Budaya keusahawanan Islam

## Kerangka konseptual kajian

Rajah 1: Kerangka konseptual kajian



## Kajian literatur

### Kaedah Pengajaran DBAE di FSSR

Kaedah pengajaran seni visual boleh dilandaskan kepada beberapa teori pengajaran dan pembelajaran. Teori ialah prinsip asas yang menjadi dasar pembentukan sesuatu perkembangan ilmu pengetahuan. Teori merupakan rumusan daripada pengetahuan yang sedia ada dan menjadi dasar kepada penyelidikan baru. Teori-teori pengajaran dan pembelajaran yang sering dijadikan rujukan seperti teori tingkahlaku (behaviorism), teori kognitif, teori humanies, teori psiko-analitik dan teori konstruktivis (Rozinah Jamaludin, 2003). Teori-teori ini boleh digunakan dalam pengajaran seni visual. Kaedah pengajaran berasaskan *Discipline Based Art Education* (DBAE) merupakan rangka konsep dan pendekatan yang lebih berstruktur dalam pengajaran dan pembelajaran seni visual berlandaskan teori pengajaran yang ada. DBAE diperkenalkan oleh Getty Center pada awal tahun 1980an. DBAE mempunyai empat teras utama iaitu sejarah dan teori seni, produk seni, kritikan seni dan estetika. Sejarah seni meliputi keseluruhan penghasilan seni. Seni berkembang bermula dari sejarah awal wujudnya manusia di atas muka bumi ini. Sejarah seni membentuk peradaban, kepercayaan, teknologi, budaya dan ideologi sehingga dalam seni visual wujudnya

pelbagai aliran seni. Sejarah awal seni visual bermula dengan penemuan lukisan pra-sejarah di gua di Perancis (Ragans et al., 2000). Sejarah berkembang sehingga berlaku pertembungan antara budaya timur dan barat, teknologi digital, pemikiran, ideologi, gaya, dan teknik. Seni visual berkembang berkaitan dengan aspek budaya, politik, sosial, agama, ekonomi dan sebagainya. Produk seni merangkumi kefahaman sejarah, teknik, media dan hasil (Duane Preble et al., 2004).

Pengajaran dan pembelajaran kursus *Visual Studies Application* yang dijalankan kini berpandukan daripada rubrik yang dirancang untuk memastikan hasilan (*outcome*) yang baik selaras dengan pendekatan pengajaran *Outcome Based Education* (OBE). Rubrik meliputi kebolehan yang dicapai selepas pembelajaran dari aspek pemikiran kritikal seperti konsep, kemahiran visual seperti observasi, media dan teknik, dan perkembangan portfolio atau huminiti seperti persembahan dan kualiti kerja. Karya seni dinilai menerusi proses dan produk atau hasil karya. Kritikan seni memberi peluang untuk menggambarkan, menginterpretasi, menilai dan mencadangkan sifat dan kualiti karya seni. Prinsip asas seperti pernyataan subjek, fom dan konten akan diambilkira secara terbuka untuk kritikan. Estetika merangkumi penilaian sifat, makna, nilai, kesan dan persepsi mata pemerhati. Kaedah pengajaran berpandukan DBAE telah dipraktikkan di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR). Namun begitu pengajaran berasaskan DBAE digabungjalin dengan kaedah yang lain seperti *Blended Learning*, *Outcome Based Learning*, *Problem Based Learning* dan sebagainya. Dalam pengajaran kursus *Visual Studies Application* (FND111) di dalam studio, empat teras utama DBAE diaplikasikan dalam pengajaran iaitu sejarah dan teori, produk seni, kritikan seni dan estetika seni. Pelajar yang mengikuti kursus ini memperoleh pengetahuan secara teori dan praktikal tentang pengkaji visual dan komunikasi tampak.

### **Kemahiran kepekerjaan keusahawanan**

Kemahiran kepekerjaan keusahawanan (KKK) memerlukan penguasaan kemahiran asas yang menyeluruh dalam diri individu yang terlibat. Menurut Hisrich et al., (2010) kemahiran asas ini meliputi ciri-ciri keusahawanan, kompetensi diri keusahawanan dan kemahiran insaniah (*soft skill*). Kemahiran asas yang merangkumi keusahawanan Islamiah menjurus kepada ciri-ciri usahawan menurut perspektif Islam yang membentuk budaya keusahawanan Islam (Wan Sabri, 2001).

### **Ciri keusahawanan**

Keusahawanan merupakan aktiviti yang unik dijalankan secara bersendirian atau berkumpulan sebagai satu kerjaya atau mempunyai matlamat lain yang tersendiri. Bagi menjayakan matlamat ini usahawan perlu

menggabungkan aset ketara seperti modal, kemudahan fizikal, teknologi maklumat dengan aset tidak ketara iaitu jaringan dengan pelanggan, pembekal, peminjam, pengedar, pekerja, pemasar, pesaing dan pihak-pihak lain yang ada kaitan dengan perniagaan yang dijalankan (Ab Aziz Yusuf, 2000). Schumpeter (1934) dalam Kementerian Pengajian Tinggi et. al (2007) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang berfungsi untuk membawa kombinasi baru yang dikenali sebagai enterprise (perusahaan). Menurut Hisrich et al. (2010) keusahawanan adalah satu proses penciptaan sesuatu yang baru dengan penambahan nilai yang memerlukan usaha dan masa serta mengambil kira faktor kewangan, psikologi dan risiko sosial serta menghadapi ketidakpastian dan seterusnya menerima pulangan dalam bentuk kewangan dan kepuasan peribadi.

Chiew Tung Moi et al. (2011) menyenaraikan ciri-ciri usahawan yang diubahsuai daripada McClelland (1985), Kao (1991) serta Scarborough dan Zimmerer (2003) iaitu; inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi ke arah kecekalan, menyelesaikan masalah secara kreatif, orientasi kepada peluang dan matlamat, bersifat realistik, mencari dan menggunakan maklum balas, mempunyai lokus kawalan dalaman, integriti dan boleh dipercayai, tahap tenaga yang tinggi dan fleksibel. Berdasarkan ciri-ciri keusahawanan yang disenaraikan ini, maka perlu bagi setiap pensyarah menanamkan sikap begini ke atas pelajarannya. Pelajar yang terlatih dengan ciri-ciri keusahawanan ini mudah untuk berubah dan bersikap terbuka dan mempunyai kecekalan yang tinggi.

### **Ciri-ciri keusahawanan menurut perspektif Islam**

Ciri-ciri keusahawanan bukanlah suatu sifat yang diwarisi oleh seseorang sejak dilahirkan sebaliknya ianya merupakan sifat yang dapat dipelajari dan dibangunkan (Zafir & Fadzilah, 2005). Mohd Salleh et.al (2005) di dalam ulasan Mohd Nasir & Nurul Huda (2010) dan Abdullah bin Sulaiman (2010) telah mengemukakan 15 ciri-ciri usahawan yang berjaya iaitu: Mempunyai keinginan dan kesungguhan yang tinggi, mempunyai niat yang betul (mencari rezeki, menyediakan barang dan beribadat), mempunyai ilmu dan kemahiran perniagaan yang cukup, bertanggungjawab kepada semua yang berkepentingan dengannya, sentiasa berjimat menggunakan sumber, mempunyai kemahiran dalam membuat keputusan, berfikiran ke hadapan, mempunyai kemahiran berkomunikasi, sentiasa menjaga kualiti, menghindari aktiviti yang diharamkan, mengelakkan belunggu hutang, sentiasa menilai tindakan (bermuhasabah) dan berwaspada, bersyukur dengan kejayaan, tidak boros dan tidak tamak dengan kejayaan, dan sentiasa membayar hutang jika menanggungnya. Justeru, penulis berpendapat silibus keusahawanan perlu ditekankan kepada para pelajar selaku bakal usahawan tentang perkara-perkara di atas agar ianya dapat difahami dan diamalkan. Ciri-ciri umum usahawan yang berjaya turut dibincangkan oleh Shuhairimi Abdullah (2012) yang mana dapat

diringkaskan sebagaimana berikut: mempraktikkan tuntutan agama, menjalankan aktiviti yang halal, beriltizam dengan nilai-nilai berpaksikan Islam, menginfakkan harta dan bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan pekerja-pekerja. Manakala Wan Sabri (2001) menyediakan satu model yang lebih terperinci berkenaan usahawan yang berjaya berdasarkan kepada sifat-sifat terpuji yang dinyatakan oleh Allah di dalam al-Quran. Ianya dibahagikan kepada empat sifat utama iaitu memiliki sifat-sifat peribadi yang terpuji, sifat dalam mengurus harta, sikap ketika menjalani perniagaan dan interaksinya dengan alam sekitar. Ianya dapat diringkaskan sebagaimana berikut:

Sifat Peribadi	Sikap Mengurus Harta	Sikap Ketika Menjalani Perniagaan	Interaksi Dengan Alam Sekitar
Jalan yang lurus Beriman, bertaqwa dan bertawakkal Bercakap benar Tiada dengki & khianat Ikhlas Sabar Sentiasa bersyukur Bercermat, tidakboros Murah hati / tidak bakhil Jujur pada diri & orang lain Pemaaf Yakin Pasrah & memohon hidayah Memajukan diri secara berterusan Adil Tawadhu' – tidak sombong, rendahdiri, tutur kata yang lemah lembut & tidak riak Memegang amanah Berpengetahuan Bersederhana Waspada & berhati-hati Bersegera dalam melaksana kerja Menjaga kehormatan diri Tidak tamak & haloba Bersih	Sumber harta yang halal Berbelanja untuk kebaikan Berzakat & menderma Wasiat harta Harta anak yatim Berusaha mencari rezeki Menganggap harta itu hanya perhiasan hidup, hidup itu hanyalah permainan Jangan guna harta untuk perkara yang melalaikan	Fokus Jangan memberi rasuah Jauhkan amalan riba Berurusan dengan orang waras Sukatan & timbangan tepat Menulis akaun – soal hutang Akur dengan janji/perjanjian Tidak ambil untung berlipat ganda Tidak menabur fitnah Jaga diri dari kepapaan Adakan saksi/ bukti kepada gadaian atau perjanjian Prioriti Taktikal Terima tetamu/khidmat pelanggan Mengatur waktu dan merancang Selidik sebelum buat keputusan	Sikap toleran kepada penghutang Hiraki membuat kebaikan Hormat menghormati Jangan mencero boh Jangan berdendam Tidak bersumpah pada kepalsuan Saling bantu membantu Mengeluarkan kata-kata yang baik Orang yang boleh diikuti Bermesyuarat Tidak merugikan orang lain Jangan sangka buruk Mengasihani dan memuliakan anak yatim Nasihat-menasihati

Model Usahawan Berjaya. Sumber : Wan Sabri Wan Hussin (2001).

### **Kompetensi diri usahawan**

Kompetensi diri usahawan yang dianalisis oleh MC Ber and Company (1985) di Oxford United Kingdom, dalam Kementerian Tinggi et al. (2007) menyenaraikan tiga belas kompetensi diri yang perlu ada pada usahawan iaitu; sikap individu yang berinisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasikan kecekapan, membuat perancangan yang sistematik, menyelesaikan masalah, keyakinan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi pengaruh. Berdasarkan beberapa kajian terhadap kemahiran yang diperlukan oleh graduan yang dijalankan oleh Microsoft, Pekerjaan Target, BBC, Prospek, NACE dan AGR dan organisasi lain, diringkaskan kemahiran yang paling dianggap penting (<https://www.kent.ac.uk/careers/sk/top-ten-skills.htm>) adalah; 1. *Verbal communication* - Mampu untuk menyatakan idea-idea dengan jelas dan yakin dalam ucapan. 2. *Teamwork* - Bekerja dengan penuh yakin dalam satu kumpulan. 3. *Commercial Awareness* - Memahami realiti komersial yang mempengaruhi organisasi. 4. *Analysing & investigating* - Mengumpul maklumat secara sistematik untuk menubuhkan fakta dan prinsip. Penyelesaian masalah. 5. *Initiative / self motivation* - Dapat bertindak atas inisiatif, mengenal pasti peluang dan proaktif dalam mengemukakan idea-idea dan penyelesaiannya. 6. *Drive* - Keazaman untuk mendapatkan perkara yang dilakukan. Membuat perkara yang berlaku dan sentiasa mencari cara yang lebih baik dalam melakukan sesuatu. 7. *Written communication* - Mampu untuk menyatakan diri anda secara bertulis dengan jelas. 8. *Planning & organising* - Dapat merancang aktiviti dan melaksanakannya secara berkesan. 9. *Flexibility* - Menyesuaikan diri dengan jayanya untuk mengubah keadaan dan persekitaran. 10. *Time management* - Menguruskan masa dengan berkesan, mengutamakan tugas dan mampu bekerja hingga saat akhir.

### **Budaya keusahawanan Islam**

Budaya bermaksud kemajuan fikiran, akalbudi (cara pemikiran), berkelakuan dan sebagainya. Manakala keusahawanan pula adalah kata terbitan daripada perkataan usaha yang bermaksud daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan dan lain-lain perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan (Noresah Baharom, 2013). Keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai usaha, fizikal dan sosial untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuashatian dan kebebasan (Hisrich Robert D & Peters Michael P, 2005).



Islam amat menggalakkan umatnya menceburi bidang keusahawanan dan bekerja sendiri. Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud:

Daripada Rafi` bin Hadij bahawa Rasulullah ditanya mengenai apakah pekerjaan yang paling baik. Rasulullah menjawab:”Kerja seseorang dengan tangannya sendiri dan perniagaan yang diberkati.”

(Musnad Ahmad, Bab hadis Rafi`, no 16628)

Menurut Buerah Tunggak (2007), daripada perspektif Islam pembangunan usahawan dan pendidikan sangat digalakkan bertujuan meningkatkan pembangunan ekonomi masyarakat. Islam menyediakan motivasi yang positif terhadap aktiviti ekonomi dalam rangka mendapatkan pendapatan yang halal untuk hidup. Bagi tujuan tersebut, Islam menyediakan sumber-sumber pekerjaan yang halal bagi umat Islam melalui dua cara; pertama, bekerja dengan orang lain dengan mendapat gaji atau upah yang tetap dan kedua melibatkan diri dalam bidang keusahawanan. Sungguhpun bekerja dengan orang lain dengan mendapat gaji atau upah yang tetap dibenarkan oleh Islam, namun penekanan sebenar ajaran Islam dalam usaha mencari kekayaan adalah dengan menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Allah S.W.T menyuruh manusia untuk mencari rezeki selepas menunaikan ibadah solat sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Jumu`ah (62) : 10 yang bermaksud:

“Apabila telah selesai mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka bertebaranlah kamu di atas mukabumi dan carilah rezeki kurniaan Allah.”

Perkataan “dan carilah rezeki kurniaan Allah” menunjukkan lebih dari sekadar bekerja dengan orang lain, sebaliknya lebih tepat dimaksudkan kepada aktiviti-aktiviti keusahawanan. Falsafah tauhid merupakan asas yang menjadi landasan dalam segenap bidang kehidupan manusia dalam Islam termasuklah dalam budaya keusahawanan. Falsafah tauhid berasaskan kepada keimanan Allah SWT yang Maha Esa. Ia memberi satu perspektif bermasyarakat dengan melihat penyusunan masyarakat manusia memenuhi pelbagai-keperluan dan mengutamakan kesepaduan di antara akhlak dengan segala kegiatan manusia, termasuk urusan perniagaan.

Tauhid menganjur budaya keusahawanan yang berpaksikan kepada semangat keadilan dan muafakat. Oleh itu urusan perniagaan hendaklah dijayakan dalam konteks untuk mewujudkan satu masyarakat yang bertamadun mulia dan bukan untuk mewujudkan budaya rakus dalam mengendalikan amalan perniagaan melalui amalan

penindasan atau penipuan untuk mengaut keuntungan. Budaya keusahawanan Islam memiliki ciri-ciri berikut (Nik Mustapha Nik Hassan, 2015) : Pertama, amalan usahawan sebagai tuntutan keagamaan. Kedua, menepati semangat tauhid yang menganjurkan bahawa sifat-sifat yang terdapat dalam diri manusia berada dalam satu kesatuan. Ketiga, budaya niaga Islam memberi tekanan yang tinggi kepada disiplin. Keempat, semangat tauhid menganjur kepada amalan berniaga secara bermuafakat dan berpasukan. Ini adalah kerana budaya niaga Islam memberi tumpuan kepada pencapaian matlamat akhir iaitu kebajikan kepada masyarakat dan ekonomi negara.

### **Kaedah pengajaran kursus *Visual Studies Application* berteraskan DBAE di FSSR**

Kaedah pengajaran seni visual untuk kursus *Visual Studies Application*, kod kursus FND 111, yang berteraskan DBAE di FSSR telah dipraktikkan sejak penubuhan FSSR, UiTM Malaysia. Kursus ini dikendalikan oleh seorang pensyarah yang berkelulusan ijazah bidang seni visual. Kursus ini ditawarkan kepada pelajar semester pertama di FSSR. Kursus ini berstatus subjek teras (*core subject*). Jam temu (*contact hour*) adalah lima (5) jam dan mempunyai tiga (3) jam kredit. Kursus ini dijalankan setiap minggu selama empat belas minggu (14) mengikut lima tajuk. Setiap tajuk mempunyai 2 – 4 minggu pembelajaran. Kursus ini memberi tumpuan kepada pemahaman berkaitan elemen dan prinsip seni visual (Rozimah Bidin, 2015). Pelajar dikehendaki menyertai aktiviti dan pengalaman membuat penyelidikan seni visual untuk menghasilkan sebuah karya kreatif. Objektif kursus ini adalah diharapkan di akhir pengajaran dan pembelajaran pelajar dapat meneliti signifikan pembelajaran asas seni visual menerusi teori dan praktis. Pelajar berupaya memperjelaskan elemen dan prinsip seni dan diterjemahkan menerusi aplikasi dalam karya seni mereka. Pelajar dapat menggunakan bahan dan teknik yang sesuai dan sepadan dalam aktiviti merekacipta. Pelajar dapat memanipulasi bahasa visual (*visual language*) dalam asas rekaan seni visual. Penilaian dilakukan secara berterusan (*formative assessment*) sepanjang proses pembelajaran dengan pecahan markah 100%. Kajian ini memberi tumpuan kepada satu tajuk sahaja. Tajuk yang dipilih adalah Jalinan (*Texture*). Untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran skema kursus dirangka seperti Rajah 3 untuk kumpulan kawalan. Untuk kumpulan rawatan aktiviti seperti Rajah 4.

Rajah 3: Skema pengajaran dan pembelajaran kumpulan kawalan

Tarikh	TAJUK : JALINAN (TEXTURE)		
Jun 2016	Teori dan penilaian	Tugasan ( <i>Task</i> )	Material
Minggu 1	Syarah berkaitan; Definisi jalinan, Jenis jalinan, jalinan dalam seni visual, jalinan dan prinsip rekaan	Tugasan 1: Koleksi Data Langkah: 1. Kumpul 6 jenis jalinan sebenar; 3 daripada alam semulajadi, 3 daripada buatan manusia	bahan jalinan yang sesuai gunting <i>cutter</i>

		2. kesan jalinan simulated menggunakan teknik lakaran, lukisan, cetakan 3. hasilkan 2 contoh bagi setiap jalinan 4. hasilkan 6 jalinan <i>invented</i> 5. Saiz 12 x 12 sm. Sesi kritikan	<i>mounting</i>
Minggu 2	Syarahan / ulangan 1. Definisi jalinan 2. Jenis jalinan 3. Jalinan dala seni visual 4. Jalinan dan prinsip rekaan  <u>Penilaian / assessment produk jalinan</u> 3 jalinan sebenar (alam semulajadi) 3 jalinan sebenar (buatan manusia) 6 jalinan simulated (teknik berbeza) 6 jalinan <i>invented</i> 2 komposisi jalinan saiz A4 1 lukisan komposisi jalinan saiz A3  <u>Produk</u> 1 jalinan lukisan komposisi saiz A3.	Tugas 2: Jalinan dan Komposisi / Paten Langkah: 1. hasilkan komposisi menggunakan jalinan yang berbeza (sebenar, <i>invented</i> , <i>simulated</i> ) 2. tumpukan kepada pelbagai jenis jalinan dan penggunaan prinsip rekaan 3. hasilkan 2 komposisi di atas kertas keras saiz A4. 4. persembahkan di atas kertas B3. Sesi kritikan  Produk / Penilaian 2 komposisi 1 lukisan komposisi Tugas 3: Jalinan dan Lukisan Komposisi / Paten Langkah: 1. Pilih salah satu komposisi saiz A4. 2. gandakan saiz kepada A3. 3. lukis semula menggunakan ton dan jalinan Sesi kritikan	board kertas B3 gam drawing board pencil different tones cutting board

### **Kaedah pengajaran kursus *Visual Studies Application* berteraskan DBAE di FSSR dan penerapan ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan**

Kaedah pengajaran *Visual Studies Application* yang berteraskan DBAE dan penerapan ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan dan budaya keusahawanan Islam mempunyai enam ruang yang perlu diberi tumpuan iaitu: *learning role, activities, educator role, entrepreneurial learning, learning outcome dan pedagogical approach*. Rajah 2 menunjukkan pelan pengajaran dan kaedah pengajaran kursus *Visual Studies Application* berteraskan DBAE di FSSR dan penerapan ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan. Penerapan ciri kemahiran keusahawanan dalam pengajaran seni visual ini meliputi lima (5) perkara berikut iaitu; *Teamwork* - Peluang berkongsi maklumat peta minda, *Verbal communication* -Pekembangan idea, perbincangan dan persembahan kumpulan, *Initiative & self motivation* – bertanggungjawab, *Drive* – berkeyakinan & berusaha untuk Berjaya dan *Flexibility* – menyesuaikan diri dengan jayanya.

### **Metodologi**

Kaedah kajian kuasi experimental dilakukan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kajian ini memberi tumpuan kepada ciri-ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan yang diperoleh daripada pembelajaran iaitu *Visual Studies Application* (FND111). Di dalam studio berasaskan DBAE penerapan keusahawanan dilakukan untuk kumpulan rawatan. Skor min dibandingkan dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional. Kumpulan kawalan dan rawatan mengikuti pembelajaran bagi

kursus yang sama. Pelajar mempunyai kelayakan akademik dan tempoh pengajian yang sama. Untuk kumpulan rawatan kemahiran kepekerjaan keusahawanan diberi tumpuan kepada *Teamwork, Verbal Communication, Initiative, Drive* dan *Flexibility* yang tidak diberikan kepada kumpulan kawalan. Perlaksanaan kajian dijalankan selama tiga (3) minggu dan aktiviti seperti ditunjukkan pada Rajah 5. Ujian 1 dan 2 adalah penilaian *course outcome* sebelum dan selepas pembelajaran. Ujian 1 dijalankan sebelum pengajaran adalah untuk menilai *course outcome* ciri kepekerjaan sebelum kursus dimulakan kepada kedua-dua kumpulan. Ujian 2 diberikan kepada kedua-dua kumpulan untuk melihat kesan daripada pedagogi yang berasaskan DBAE penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan dan kumpulan kawalan. Ujian 3, penilaian hasil kerja pelajar mengikut gred lulus dan gagal.

### Populasi, sampel kajian dan lokasi dan instrumen

Populasi pelajar adalah seramai 285 orang terdiri daripada pelajar semester 1 pengambilan sesi 1 Mei/Jun 2016/17. Pelajar berumur di antara 17 hingga 23 tahun, namun faktor umur pelajar tidak diambilkira. Semua pelajar lulus dalam mata pelajaran lukisan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sampel terdiri daripada 32 orang pelajar. Seramai 16 orang pelajar kumpulan rawatan, dan seramai 16 orang pelajar kumpulan kawalan. Kajian ini dijalankan di Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, Universiti Teknologi Mara, Cawangan Perak, Seri Iskandar. Kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berada dalam studio yang berasingan. Kumpulan rawatan mengikuti aktiviti pembelajaran mengikut jadual kelas dan disusuli dengan penerapan keusahawanan. Manakala kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran seperti biasa kaedah konvensional. Beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini terdiri dari; set pelan pengajaran untuk kumpulan rawatan dan kawalan, set borang soal selidik rubrik, set pemarkahan hasil karya dan set soaljawab.

Rajah 5: Perlaksanaan kajian

Minggu	Aktiviti	
	Kumpulan rawatan DBAE penerapan keusahawanan	Kumpulan kawalan
1	Ujian 1 / sebelum: Penilaian <i>course outcome</i> ciri kepekerjaan (40 minit) Rawatan kaedah DBAE dan penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan	Ujian 1 / sebelum: Penilaian <i>course outcome</i> ciri kepekerjaan (40 minit) Kawalan Kaedah DBAE konvensional dan tanpa penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan
2	Ujian 2/selepas: Penilaian <i>course outcome</i> ciri kepekerjaan (40 minit) Rawatan kaedah DBAE dan penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan	Ujian 2/selepas: Penilaian <i>course outcome</i> ciri kepekerjaan (40 minit) Kawalan Kaedah DBAE konvensional dan tanpa penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan
3	Ujian 3: Penilaian hasil kerja pelajar kumpulan rawatan. Temuduga dengan 6 orang pelajar dari kumpulan rawatan	Ujian 3: Penilaian hasil kerja pelajar kumpulan kawalan Temuduga dengan 6 orang pelajar dari kumpulan konvensional

### **Dapatan kajian**

Penerapan elemen kemahiran kepekerjaan keusahawanan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran DBAE dan seni visual di institusi pengajian tinggi yang dikaji menunjukkan dapatan yang signifikan. Pelajar kumpulan rawatan menunjukkan perbezaan dari aspek *teamwork*, *verbal communication*, *initiative* dan *self motivation*, *drive* dan *flexibility* berbanding kumpulan kawalan. Kesedaran pelajar terhadap penerapan elemen kemahiran kepekerjaan keusahawanan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran menjadikan mereka lebih aktiviti menjalankan aktiviti melukis. Pelajar kumpulan rawatan mampu menghasilkan kerja yang lebih memuaskan dengan skor markah yang lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Kesedaran ini membentuk budaya belajar di kalangan pelajar ke arah kemahiran kepekerjaan menurut perspektif Islam. Persepsi pelajar terhadap tahap penguasaan elemen kemahiran keusahawanan yang diterapkan menerusi aktiviti pengajaran dan pembelajaran menunjukkan mereka lebih tertarik kepada aktiviti yang bersifat berkumpulan dan bebas mengeluarkan idea dan pandangan. Pelajar dilihat lebih bertanggungjawab khususnya dalam pengurusan masa dan tempoh menghasilkan kerja yang singkat.

**Rajah 4: Kaedah pengajaran kursus *Visual Studies Application* berteraskan DBAE di FSSR dan penerapan ciri kemahiran kepekerjaan keusahawanan**

<u>LEARNER ROLE (STUDENT)</u>	<u>ACTIVITIES</u>	<u>EDUCATOR ROLE (LECTURER)</u>
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. menyertai kelas dengan tingkah laku sopan</li> <li>2. Menyertai aktiviti dan aktif</li> <li>3. Menyediakan peta minda untuk perbincangan berkumpulan dan pembentangan</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mencari nota dan membuat peta minda</li> <li>2. Persembahan idea</li> <li>3. Melakar idea dan melukis</li> <li>4. Menghasilkan karya akhir</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memilih bahan dan buku rujukan</li> <li>2. Menunjukkan karya akhir dan bahan yang perlu digunakan</li> <li>3. Membuat demonstrasi dan contoh</li> </ol>
	<p><u>ENTREPRENEURIAL LEARNING</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Teamwork - Peluang berkongsi maklumat peta minda</li> <li>2. Verbal communication -Pekembangan idea, perbincangan dan persembahan kumpulan</li> <li>3. Initiative &amp; self motivation - Bertanggungjawab</li> <li>4. Drive – berkeyakinan &amp; berusaha untuk berjaya</li> <li>5. Flexibility – menyesuaikan diri dengan jayanya</li> </ol>	
<p><u>LEARNING OUTCOME</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berpeluang mencari maklumat untuk menghasilkan karya (EL1)</li> <li>2. Pembentangan kumpulan (EL2)</li> <li>3. Mencari jalan penyelesaian masalah dan idea (EL3)</li> <li>4. Menggalakan pelajar aktif berkarya dan kepekerjaan (EL4)</li> <li>5. Mengadakan pameran visual untuk motivasi keusahawanan(EL5)</li> </ol>	<p><u>PEDAGOGICAL APPROACH</u></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menggunakan bahan internet dan contoh dari karya lampau (LO1)</li> <li>2. Pembentangan kumpulan (LO2)</li> <li>3. Pengumpulan data sebenar (LO2)</li> <li>4. Menghasilkan kolaj (LO3)</li> <li>5. Menghasilkan lukisan (LO4)</li> </ol>	

## Kesimpulan

Kajian ini cuba mengumpul maklumat pelaksanaan kaedah pengajaran *Discipline Based Art Education* (DBAE) dan penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan (KKK) dan budaya keusahawanan Islam (BKI) di kalangan pelajar seni visual di Institut Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia. Berdasarkan penemuan, kajian ini menyarankan agar penerapan kemahiran kepekerjaan keusahawanan dalam pengajaran berasaskan DBAE dan seni visual perlu diterapkan dengan lebih meluas kerana ia amat memberi manfaat kepada pembangunan modal insan untuk generasi muda. Sesungguhnya memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan para mahasiswa dapat membantu membangunkan kemahiran insaniah mereka. Tidak dapat dinafikan bahawa pendedahan terhadap budaya keusahawanan ini dapat memenuhi objektif kerajaan bagi mewujudkan masyarakat yang mempunyai sikap daya saing dan juga daya tahan. Apatah lagi desawarsa kini yang sering memperkatakan tentang masalah pengangguran yang semakin meruncing dalam kalangan para siswazah. Justeru kepentingan kursus keusahawanan dilihat semakin perlu.

## Rujukan

- Ab. Aziz Yusuf. (2000). *Usahawan dan Pengukuhan Jaringan Rakan Niaga*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Abdullah b Sulaiman et. al. (2010). *Peranan PBM Dalam Penerapan Terhadap Budaya Keusahawanan Pelajar Universiti Awam di Malaysia*, Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan, 25-26 September 2010.
- Ab. Mumin Ab Ghani & Suhaili Sarif. (2005). Penerapan Budaya Keusahawanan Dalam Masyarakat Islam, *Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005*, anjuran: Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 6 Sept 2005.
- Buerah bte Tunggak. (2007). *Budaya Niaga Bumiputera Dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Muslim*. Tesis Doktor Falsafah UTM. Tidak diterbitkan.
- Dobbs, S. M. (1992). *The DBAE Handbook: An Overview of Discipline-Based Art Education*. Santa Monica, : CA: The Getty Institute for the Arts.
- Duane Preble, S. P. (2004). *Art Forms*. USA: Prentice Hall.
- Hisrich Robert D & Peters Michael P. (2002). *Entrepreneurship*, edisi 5, USA: McGraw Hill.
- Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM), dan Institut Pengajian Tinggi Awan (2007), *Asas Pembudayaan Keusahawanan*, Sintok: Universiti Utara Malaysia. <https://www.kent.ac.uk/careers/sk/top-ten-skills.htm>. July, 14,2016, 10.40am.

- Khairuddin Khalil. (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhamad Salleh Majid. (2003). *Budaya Usahawan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Noresah Baharom .(2013). *Kamus Dewan Edisi 4*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Mustapha Hj Nik Hassan. (2015). *Usahawan Melayu Perlu Menghayati Budaya Niaga Islam*, [www.ikim.gov.my/index.php](http://www.ikim.gov.my/index.php)
- Ragans, R. (2000). *Art Talk*. USA: Glencoe McGraw Hill.
- Rozimah Bidin. (2015) *Lukisan Kontur, Latihan Koordinasi Pancaindera*. Selangor: Penerbit Universiti Teknologi Mara.
- Rozinah Jamaludin. (2003) *Teknologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shuhairimi Abdullah. (2012). *Ciri-Ciri Umum Usahawan Berjaya: Analisis Daripada Perspektif Islam*, *International Journal of Business and Technopreneurship*, Vol. 2, No 1, Feb 2012.
- Wan Sabri Wan Hussin. (2001). *Nilai dan Etika Islam Dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia*, Universiti Malaya Kuala Lumpur. Disertasi yang tidak diterbitkan.
- Wan Sabri Wan Hussin. (2005). *Mengurus Perniagaan Melalui Etika. Satu Perspektif Pembangunan Usahawan Yang Berjaya, Prosiding Seminar Keusahawanan Islam Peringkat Kebangsaan 2005*, anjuran: Jabatan Syariah dan Pengurusan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 6 September 2005.
- Zafir Mohd Makhbul & Fazilah Mohamed Hasun. (2005). *Menjadi Usahawan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.